

LAWATAN KERJA YB TIMBALAN MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN KE JABATAN PERTANIAN



Putrajaya, 12 Januari - YB Chan Foong Hon, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah mengadakan lawatan kerja ke Jabatan Pertanian Malaysia.

Dalam pertemuan tersebut, YB Chan Foong Hin menyatakan bahawa Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) memberikan keutamaan dan tumpuan kepada keterjaminan bekalan makanan serta kesejahteraan petani, penternak dan nelayan.

Menurut beliau, antara program yang ditawarkan oleh Jabatan Pertanian yang menarik perhatian adalah Pertanian Bandar yang mana program ini mampu memupuk semangat kekeluargaan dalam kalangan komuniti dan membantu mengurangkan impak kenaikan harga barangan dapur.

Terdahulu, YB Chan Foong Hin diberikan taklimat berkenaan teknologi penanaman Halia Bentong yang menggunakan Sistem IoT di Roof Top Aras 17. Kemudian beliau diberi taklimat fungsi dan program-program yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian serta hala tuju Jabatan Pertanian dalam sistem pengembangan teknologi pertanian ketika ini. Taklimat disampaikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Pertanian, Dato' Zahimi Hassan.

Turut hadir Dato' Elias Saad, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Industri dan Pengembangan) dan Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Pertanian. Rombongan YBTM MAFS turut disertai Setiausaha Sulit Kanan, Puan Chua Wan Ting dan Pegawai Tugas-Tugas Khas, YM Raja Iskandar Fareez.